

Bayar caj servis penumpang ERL RM741J

MALAYSIA Airports Holding Berhad (MAHB) bagi pihak kerajaan mengemukakan bayaran caj servis penumpang (PSC) kepada Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL) sejak 2002 hingga September 2017, dengan jumlah bayaran keseluruhan RM741,234,295.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi berkata, sejak ERL mula beroperasi, purata bilangan penumpang 5.4 juta orang setahun. Namun katanya, pada 2015 terdapat peningkatan 20 peratus berbanding tahun sebelumnya, 11.03 juta orang.

“Bagaimanapun, peningkatan kadar tambang ERL pada 2016 telah menyaksikan penurunan kadar bilangan penumpang sebanyak 19 peratus, menjadi 8.9 juta orang”, katanya menjawab soalan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (Bebas – Bandar Tun Razak) mengenai jumlah keseluruhan yang dibayar MAHB kepada ERL sejak 2002.

Abdul Aziz berkata, ERL juga mengalami kerugian selepas tahun kewangan cukai selama enam tahun berturut-turut iaitu 2009 hingga 2014. “Sehingga 2016, kerugian selepas cukai terkumpul adalah RM661.34 juta”, katanya.